



KEMENTERIAN PENDIDIKAN



SOALAN LAZIM (FAQ) KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA PENDAFTARAN MURID TAHUN 1 KALENDAR AKADEMIK SESI 2024/2025



1. BILAKAH TARikh PERMOHONAN PENDAFTARAN TAHUN 1 KALENDAR AKADEMIK SESI 2024/2025 DIBUKA?

Tarikh permohonan pendaftaran Tahun 1 kalendar akademik sesi 2024/2025 dibuka dari 2 Mei 2023 hingga 30 Jun 2023. Terbuka kepada kanak-kanak warganegara Malaysia yang lahir dari 2 Januari 2017 hingga 1 Januari 2018.



2. BOLEHKAH PENDAFTARAN TAHUN 1 KALENDAR AKADEMIK SESI 2024/2025 DIBUAT DI PAUTAN [HTTPS://PUBLIC.MOE.GOV.MY?](https://public.moe.gov.my)

Tidak. Mulai tahun 2023, pendaftaran Tahun 1 adalah di Modul Pengurusan Awam, Sistem Bersepadu KPM (MOEIS) di pautan <https://idme.moe.gov.my>. Pendaftaran Tahun 1 kalendar akademik sesi 2024/2025 adalah melalui pautan berkenaan.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN



**3. ADAKAHINI BERMAKNA PENDAFTARAN KANAK-KANAK KE TAHUN 1
BAGI KALENDAR AKADEMIK SESI 2024/2025 YANG DIBUAT DI
[HTTPS://PUBLIC.MOE.GOV.MY](https://public.moe.gov.my) TELAH HILANG DAN PERLU DIISI SEMULA
DI [HTTPS://IDME.MOE.GOV.MY](https://idme.moe.gov.my)**

Tidak. Bagi kanak-kanak yang telah didaftarkan di <https://public.moe.gov.my>,
data mereka akan dipindahkan ke <https://idme.moe.gov.my>. Ibu bapa/penjaga
hanya perlu mengemas kini maklumat anak mereka di pautan yang baharu mulai
2 Mei hingga 30 Jun 2023 dan klik butang kemas kini.



**4. SETELAH SAYA MEMBUAT KEMAS KINI, PERLUKAH SAYA HANTAR
BORANG PERAKUAN SEKOLAH KE SEKOLAH YANG DIMOHON
SEKIRANYA SAYA SUDAH BERBUAT DEMIKIAN SEBELUMINI?**

Sekiranya ibu bapa/penjaga telah menghantar borang perakuan sekolah di sekolah yang
dimohon sebelum ini, mereka tidak perlu lagi membuat penghantaran yang baharu.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN



5. SEKIRANYA SAYA MEMBUAT KEMAS KINI DAN MEMILIH SEKOLAH YANG BAHARU, PERLUKAH SAYA HANTAR BORANG PERAKUAN SEKOLAH DI SEKOLAH YANG BAHARU?

Ya, borang perakuan sekolah perlu dihantar ke sekolah yang baharu.



6. DI MANAKAH SAYA PERLU MENYEMAK KEPUTUSAN PERMOHONAN PENEMPATAN TAHUN 1 KALENDAR AKADEMIK SESI 2024/2025?

Keputusan permohonan penempatan Tahun 1 boleh disemak di pautan <https://idme.moe.gov.my> pada 1 hingga 30 Oktober 2023. Pemakluman keputusan permohonan penempatan akan dipaparkan di laman utama idme untuk makluman ibu bapa/penjaga.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN



7. ADAKAH MEJA BANTUAN DISEDIAKAN JIKA TERDAPAT PERTANYAAN BERKAITAN PERMOHONAN TAHUN 1 KALENDAR AKADEMIK SESI 2024/2025?

Sebarang pertanyaan berkaitan permohonan Tahun 1 kalendar akademik sesi 2024/2025, ibu bapa/penjaga dimohon untuk berhubung terus dengan pejabat pendidikan daerah atau jabatan pendidikan negeri yang berhampiran.